


Pendedahan dunia sains dan teknologi

HT19 anjur program STEM dalam pendidikan awal kanak-kanak di SK Nahaba



DARI KAMPUS

UB 24.10.2019 15
KOTA KINABALU: Kelab Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (HT19) berjaya menganjurkan program 'STEM Education: Sharing On Good Practices in STEM Education for Children' di SK Nahaba, Kota Belud.

Program ini dianjurkan hasil kerjasama dengan para pelajar SMK Sultan Ismail, Kelantan dan SK Nahaba, Kota Belud.

Seramai 38 orang pelajar Kelab HT19 bersama seorang pensyarah pengiring iaitu Dr. Connie Shin @ Connie Cassy Ompok, 18 orang pelajar SMK Sultan Ismail diiringi dua orang guru pengiring iaitu Hartini Hashim dan Rosmah Majid serta 200 orang murid SK Nahaba tahap dua terlibat dalam program yang dijalankan dari 10 hingga 15 Oktober 2019

Antara Aktiviti yang di-



RASMI: Guru Besar SK Nahaba Patrick Kandar merasmikan program STEM Education - Sharing On Good Practices in STEM Education for Children.



GENDERAHATI: Penyampian cenderahati oleh Timbalan Dekan HEPA dan Alumni Dr. Soon Singh kepada Penyelia Pembangunan Kadamaian, Kota Belud Dr. Rizoh Basurong.

anjurkan ialah Majlis Perasmian Program STEM Education: Sharing On Good Practices in STEM Education for Children dan ceramah STEM disampaikan oleh Hartini Hashim.

Selain itu, mini projek

STEM seperti paper bridge, tenaga solar, fruit electrolytes, color chromatography serta color combination.

Pada 12 Oktober pula berlangsung majlis penutupan program STEM Education: Sharing On Good Practices in STEM Education for Children.

Turut diadakan majlis malam kebudayaan iaitu pertukaran budaya Kelantan bersama penduduk Kampung Nahaba yang mempersembahkan tarian daripada suku kaum seperti Kadazandusun serta

Rungus.

Majlis perasmian program STEM Education: Sharing On Good Practices in STEM Education for Children dirasmikan oleh Guru Besar SK Nahaba iaitu Patrick Kandar manakala majlis penutupan disempurnakan oleh Penyelia Pembangunan Kadamaian, Kota Belud Dr. Rizoh Basurong, mewakili Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Ewon Benedick.

Patrick berkata murid-murid dapat menimba ilmu dan pengalaman berguna untuk masa hadapan.

Beliau sangat mengalu-alukan program mendedahkan daripada pihak UMS sebagai motivasi pelajar ke arah kecemerlangan prestasi akademik dengan



BINA RAKIT: Aktiviti menyelesaikan masalah dalam pembinaan rakit.

harapan suatu hari nanti murid-murid SK Nahaba dapat berbakti kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Faedah program yang dijalankan di SK Nahaba ialah pendedahan terhadap dunia sains dan teknologi melalui aktiviti-aktiviti STEM yang dilaksanakan.

Selain itu, mewujudkan hubungan dua hala antara Sabah dan Kelantan hasil kerjasama antara Kelab HT19, UMS dan SMK Sultan Ismail, Kelantan serta SK Nahaba, Kota Belud.

Tambahan pula, program STEM Education: Sharing On Good Practices in STEM Education for Children mampu menarik minat murid-murid SK Nahaba terhadap STEM.

Justeru, wujud pertukaran budaya antara budaya Kelantan iaitu persembahan dikir barat manakala budaya Sabah melalui tarian sumazau, mongigol dan tarian rampaian.

Timbalan Dekan HEPA dan Alumni Dr. Soon Singh Bikar Singh, yang turut hadir dalam majlis perasmian penutup menyatakan bahawa salah satu aspirasi negara ialah membangun pendidikan STEM di sekolah.

Oleh itu katanya, kerajaan meluluskan sebanyak RM11 juta untuk dalam Belanjawan 2019 untuk memperkasa pendidikan STEM di peringkat pra sekolah hingga ke sekolah menengah.

Di samping itu, program

ini seperti ini adalah salah satu usaha kerjasama antara universiti, sekolah dan masyarakat setempat untuk memupuk minat terhadap STEM dalam kalangan murid sekolah di awal prasekolah.

Ketua Program Pendidikan Awal kanak-kanak Dr. Connie Shin @ Connie Cassy Ompok, menyatakan program ini amat berfaedah kepada pelajar program pendidikan awal kanak-kanak kerana mereka diberi pendedahan awal cara mengajar dan mengaplikasi segala ilmu dan kemahiran dalam mengajar STEM di peringkat sekolah rendah.

Oleh itu, beliau bercahaya untuk menganjurkan program ini di prasekolah yang lain.